# MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

## NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :-

| BIL | NO RUJUKAN<br>TAJUK<br>BUTIR – BUTIR TAWARAN | TARIKH / HARGA / TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | KELAYAKAN KONTRAKTOR / SYARIKAT | TARIKH & MASA SEBUT HARGA TUTUP |
|---|---|---|---|---|
| 1. | NO RUJUKAN<br>**MPM JKP / SH / 11 / 2017**<br><br>TAJUK<br><br>**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENYEDIA DAN MENGHIDANG MAKANAN DAN MINUMAN UNTUK MESYUARAT / KURSUS / TAKLIMAT / SEMINAR DAN PROGRAM-PROGRAM RASMI MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG BAGI TEMPOH DUA BELAS (12) BULAN**<br><br>Dokumen yang lewat tidak akan diterima | DARI TARIKH<br>**8 Disember 2017 (Jumaat)**<br><br>HINGGA<br>**14 Disember 2017 (Khamis)**<br><br>HARGA DOKUMEN<br>**RM 30.00**<br><br>TEMPAT<br>**Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Manjung**,<br><br>WAKTU URUSAN<br>**Isnin – Khamis**<br>**08:15 pagi – 01:00 petang**<br>**02:00 petang – 4:15 petang**<br>**Jumaat**<br>**08:15 pagi – 12:15 tengahari**<br>**02:45 petang – 4:15 petang** | **(BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA)**<br><br>**040101**<br>Makanan dan Bahan Mentah Kering / Basah<br><br>Dan atau<br><br>**040102**<br>Makanan dan Minuman<br><br>Dan atau<br><br>**040103**<br>Makanan Bermasak (Islam) | TARIKH<br><br>**14 Disember 2017 (Khamis)**<br><br>MASA<br><br>**12:00 tengahari** |

1. Dokumen tawaran akan dijual seperti tarikh di atas pada waktu pejabat. Dokumen tawaran **TIDAK akan dijual** selepas tempoh tersebut.

2. Sekiranya Penyebut harga tidak berdaftar dengan Majlis Perbandaran Manjung dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal di Jabatan Perbendaharaan. Dokumen tawaran hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

3. Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibuat dalam bentuk **TUNAI SAHAJA** di kaunter bayaran Majlis Perbandaran Manjung (bayaran tidak akan dikembalikan).

4. Semua dokumen tawaran mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor tawaran berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Jabatan Perbendaharaan.

5. Majlis Perbandaran Manjung tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

6. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

7. Laman Web : www.mpm.gov.my

**YANG DIPERTUA,**
**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG,**
**PERAK DARUL RIDZUAN**